



**TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT FADHLINA SIDEK
MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN
KEMPEN HIDUP SIHAT CEGAH ROKOK DAN VAPE
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2023**

TARIKH/HARI : 13 DISEMBER 2023 (RABU)

MASA : 11.00 PAGI – 1.00 PETANG

**TEMPAT: KOLEJ TINGKATAN ENAM DESA MAHKOTA
KUALA LUMPUR**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(Salutasi disediakan oleh urus setia)

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya, dapat kita semua hadir dan berhimpun di sini, khususnya, bersama-sama dengan murid-murid, warga KPM serta tetamu yang hadir sempena **Majlis Pelancaran Kempen Hidup Sihat Cegah Rokok dan Vape Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2023**.
2. Tahniah juga kepada semua jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan semua sekolah di seluruh negara yang memberi sokongan padu dan turut serta dalam pelaksanaan kempen ini secara serentak di peringkat kebangsaan.

3. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga kerja program dalam merencana dan merealisasikan hasrat KPM untuk melaksanakan program ini. Terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atas kelolaan majlis ini dan terima kasih kepada Pengetua Kolej Tingkatan Enam Desa Mahkota atas kesudian menyediakan prasarana dengan baik.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

4. Kempen Hidup Sihat Cegah Rokok dan *Vape* adalah satu usaha yang perlu dilaksanakan secara konsisten serta memberi impak yang bermakna kepada semua murid. Warga pendidik serta masyarakat perlu cakna dan sentiasa memperingatkan kesan buruk rokok dan *vape* kepada murid dan anak kita. Trend murid yang menjadikan tabiat menghisap *vape* sebagai satu kebiasaan dilihat semakin membimbangkan dan perlu dihentikan segera.
5. KPM sentiasa komited dalam memastikan pembinaan karakter yang baik dalam diri anak-anak kita. Oleh itu, kita tidak mahu anak-anak kita hilang nilai karakter yang kita hasratkan dan hanyut dalam arus pemodenan yang

akhirnya membawa implikasi buruk yang mampu menjejaskan kesihatan tubuh badan dan minda.

6. Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan berita kes murid yang menghisap *vape* telah terkesan serta merta terhadap fungsi badan murid tersebut. Hal ini memberi gambaran yang jelas betapa budaya *vaping* ini patut dihentikan serta merta dalam kalangan murid sekolah kerana membawa kemudaratan. Justeru, saya menyeru semua murid di hadapan saya dan semua sekolah seluruh Malaysia, hentikan pengambilan *vape* serta merta dan sayangi diri sendiri.
7. Saya difahamkan bahawa pagi tadi, murid-murid telah diperdengarkan ceramah berkaitan rokok dan *vape* dari pihak jabatan kesihatan. Saya yakin melalui ceramah tersebut, murid faham dan jelas tentang kesan serta akibat terhadap gejala merokok dan menghisap *vape*.
8. KPM juga sentiasa menyokong penuh akan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 yang telah dibentangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di Dewan Rakyat baru-baru ini. Suka saya memaklumkan di sini bahawa, di bawah RUU yang akan dikuatkuasakan oleh KKM kelak, murid-murid yang

berumur di bawah 18 tahun adalah tidak dibenarkan atau tidak boleh membeli dan merokok semua jenis produk merokok termasuk rokok elektronik atau *vape* di premis jualan serta memerlukan kawalan ibu bapa.

9. KPM konsisten dengan arahan kepada semua jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah berkaitan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 5 Tahun 1997: Sekolah Sebagai Kawasan Larangan Merokok dan Surat Siaran KPM Bilangan 17 Tahun 2015 : Larangan Penggunaan Rokok Elektronik atau *Vape* di Sekolah. Oleh itu, adalah amat penting bagi semua pihak untuk mengambil langkah-langkah pencegahan yang berkesan agar murid-murid mengamalkan hidup sihat tanpa rokok dan *vape* termasuk tidak terlibat dengan gejala negatif yang lain.
10. Teras Kedua dalam Tujuh Teras Nadi Keunggulan KPM, menekankan aspek Karamah Insaniah melalui pembentukan adab, akhlak dan integriti. Kita akan terus berusaha mencapai hasrat ini dengan berpegang teguh kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menuntut agar perhatian penuh diberikan kepada murid dalam pembentukan karakter yang harmonis, murid yang seimbang dari Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual

(JERI). Saya yakin amalan gaya hidup sihat dapat memastikan JERI serta spritual murid dalam keadaan yang baik.

Hadirin dan hadirat sekalian,

11. KPM berpandangan bahawa pendidikan pencegahan rokok, *vape* dan bahan-bahan terlarang seperti dadah dan sebagainya secara konsisten mampu membentuk murid dalam mengamalkan budaya dan gaya hidup sihat dan aktiviti-aktiviti diperkasakan dan dilaksanakan secara berterusan di dalam dan di luar bilik darjah melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum. KPM sentiasa memberi peringatan agar pihak sekolah melaksanakan Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) yang merangkumi aspek dadah, **rokok**, alkohol, **vape**, inhalan dan HIV (DARVIH).

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

12. Melalui silibus kurikulum di bawah mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan (PJPK), murid-murid telah didedahkan dan diajar supaya menjauhi amalan tidak sihat seperti merokok, meminum alkohol dan terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Kemahiran-kemahiran asertif diri mula diserapkan dalam jiwa dan pemikiran murid-murid agar mereka boleh berfikir dan

bertindak dengan rasional terhadap bahaya ancaman penyalahgunaan bahan termasuk rokok dan *vape*.

13. Pendekatan pendidikan pencegahan rokok juga diterapkan dalam Program Pembangunan Sahsiah Murid seperti dalam kursus-kursus kepimpinan, ceramah, pameran, mesej 5 minit bahaya rokok dan *vape* sewaktu perhimpunan atau sebelum permulaan pengajaran di dalam bilik darjah. Seterusnya, aktiviti berbentuk pertandingan seperti kuiz, poster infografik, esei, cerpen, video pendek dan diperluaskan lagi dengan penggunaan medium media sosial seperti *Tik Tok*, *Facebook* dan *Instagram*.
14. Program Kaunseling Berfokus yang dilaksanakan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling kepada murid-murid terus diperkasakan agar murid-murid dibimbing supaya celik akal dan sedar akan tingkah laku tidak sihat yang boleh memberi kesan buruk kepada diri mereka. KPM yakin dengan usaha berterusan dan komitmen semua pihak menerapkan amalan nilai murni dan kesedaran penjagaan kesihatan diri, termasuk menjauhi tabiat merokok dan *vaping* dalam kalangan murid di sekolah, dapat membentuk karakter murid yang sejahtera.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

15. Oleh yang demikian, KPM terus menyokong penuh usaha KKM dalam memerangi isu merokok dan akan memberikan kerjasama sepenuhnya untuk mengawal penggunaan rokok konvensional, rokok bukan dari tembakau termasuk rokok elektronik dan *vape* khususnya dalam kalangan murid di sekolah.
16. Sesungguhnya usaha KKM ini adalah bertepatan bagi meneruskan dasar kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bebas tanpa sebarang bentuk amalan merokok menjelang tahun 2040. Langkah-langkah ini juga selari dengan matlamat untuk melahirkan insan beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera dalam membentuk Malaysia MADANI.
17. Akhir kata saya menyeru anak-anak sekalian yang berada di hadapan saya serta murid-murid di seluruh negeri, daerah dan sekolah pada hari ini yang bersama-sama dalam majlis pelancaran ini secara serentak untuk menyahut saranan kerajaan “**Malaysia Negara Bebas Rokok**” dan mengamalkan gaya hidup sihat.

18. Dengan Lafaz mulia, **Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan** Majlis Pelancaran Kempen Hidup Sihat Cegah Rokok dan *Vape* Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2023.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah. Wassalamualaikum WBT.

- TAMAT -

Kementerian Pendidikan Malaysia

8 Disember 2023